

29 NOV 97

Mahathir-Taiwan

MAHATHIR SANGKAL LAPORAN MENGENAI PERTUKARAN MINYAK MENTAH DENGAN TAIWAN

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak laporan bahawa Malaysia telah meminta US\$8.8 bilion daripada Taiwan sebagai pertukaran bagi minyak mentah Malaysia.

Semasa bercakap kepada pemberita sekembalinya dari Jepun dalam perjalanan pulang daripada menghadiri sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Kanada, Dr Mahathir berkata ia hanyalah khabar angin.

Beliau ditanya mengenai satu laporan agensi berita asing semalam yang memetik penafian keras satu sumber kerajaan di Taipei terhadap laporan akhbar Taiwan bahawa Dr Mahathir telah meminta mengadakan pertukaran seumpama itu.

Ia juga melaporkan bahawa Agensi Berita Pusat Taiwan telah memetik jurucakap kerajaan David Lee sebagai menafikan laporan itu.

Dr Mahathir secara berjenaka mengatakan kepada pemberita bahawa Malaysia telah "meminta sebanyak USRM100 bilion tetapi ditolak."

"Bolehlah mulakan satu lagi khabar angin yang kita telah meminta US\$100 bilion, kalau boleh US\$200 (bilion)," katanya disambut ketawa mereka yang hadir termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, antara mereka yang berada di lapangan terbang menyambut beliau pulang.

Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa beliau tidak merancang untuk singgah di Taiwan dalam perjalanannya ke Tokyo dari Kanada.

Tiada jemputan daripada Menteri Luar Taiwan baginya membuat lawatan ke Taiwan.

Dr Mahathir berkata beliau singgah sebentar di Taipei apabila kebenaran bagi pesawatnya untuk mendarat di Tokyo diterima lambat.

Beliau mengambil peluang semasa berada di Taiwan untuk bertemu dengan Perdana Menteri Vincent Siew, katanya. -- BERNAMA

ES RON